

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI ONG KA CHUAN
[TANJONG MALIM]**

TARIKH : 2 APRIL 2015

RUJUKAN : 7608

SOALAN:

Dato' Seri Ong Ka Chuan [Tanjong Malim] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk membanteras individu-individu yang telah ditahan kerana terlibat dalam kegiatan Kumpulan Negara Islam (IS), agar mereka tidak dapat menyebarkan ideologi dan pegangan ekstremis kepada orang lain.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Ancaman daripada kumpulan militan IS terhadap negara dan dunia adalah amat serius. Sebelum ini kita menghadapi ancaman daripada gerakan Parti Komunis Malaya (PKM), Kumpulan Militan Malaysia (KKM), Jemaah Islamiah (JI) dan Daulah Islamiah (DI). Pada ketika itu, kita telah menggunakan undang-undang pencegahan untuk mengambil tindakan terhadap mereka serta memulihkan mereka daripada melakukan kegiatan keganasan.

Pada masa yang sama, Rang Undang-Undang Pencegahan Keganasan 2015 yang akan dibentangkan oleh Kerajaan pada sesi Parlimen kali ini turut menitikberatkan elemen-elemen pemulihan. Sehubungan itu, Kementerian Dalam Negeri bersama-sama agensi-agensinya Kerajaan yang lain sedang menggubal untuk menambahbaik lagi Modul Pemulihan sedia ada bagi meneutralkan semula konsep-konsep jihad agar mereka kembali kepada ajaran Islam yang sebenar.